

Dr. Mahathir akan cadangkan kerajaan hantar bantuan ke Jenin

KUALA LUMPUR 7 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya Malaysia menghantar bantuan kewangan, makanan atau perubatan kepada mangsa serangan tentera Israel di kem pelarian Palestin di Jenin.

Tegas Perdana Menteri, beliau sebenarnya baru menerima satu laporan daripada seorang rakan di Dubai mengenai kerorakan dahsyat di kem tersebut.

“Kita baru mendapat laporan dari Jenin yang dibuat oleh kawan saya dari Dubai dan menunjukkan macam mana rosaknya Jenin, seolah-olah gerak gempa yang dahsyat sudah berlaku.

“Kawan saya itu minta supaya kita mengadakan usaha membantu dan saya akan kemukakan kepada kerajaan supaya kita memberi bantuan sama ada wang, makanan dan ubat,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan sempena Muktamar Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di Hotel Istana di sini, hari ini.

Baru-baru ini, tentera Israel

yang berselindung di sebalik kempen antarabangsa memeringi keganasan dilaporkan melakukan pembunuhan kejam ke atas rakyat Palestin di kem Jenin dengan jumlah kematian dianggarkan mencecah ratusan orang.

Bagaimanapun, bukti nyata mengenai pembunuhan itu disembunyikan selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membubarkan pasukan penyiasat kejadian itu kerana dibantah keras oleh Israel.

Menurut Dr. Mahathir, beliau percaya kemarahan umat Islam terhadap keganasan lebih muncak pada masa ini berbanding peringkat awal selepas peristiwa 11 September.

Ini kerana definisi terhadap interpretasi keganasan tidak mengutuk keganasan Israel.

Sebaliknya apabila pengikut pemimpin Palestin, Yasser Arafat mempertahankan diri daripada kekejaman Israel, mereka pula dibidas dan dikecam.

“Ini tidak adil, umat Islam hari ini terlalu marah berbanding sebelum ini sebab Israel mengambil peluang daripada kempen antarabangsa memeringi keganasan dengan menyerang penduduk Palestin,” katanya.

Dalam hubungan ini, tegas-

nya, tentera Israel bukan sahaja bertindak ganas malah keganasan itu disokong pula oleh kerajaannya.

“Keganasan oleh negara ini (Israel) lebih teruk lagi dan oleh itu rakyat Palestin teraaksa mengambil tindakan undang-undang di tangan sendiri.

“Tetapi kita tidak boleh sahkan mereka (Palestin) kerana dalam kes Israel, kerajaan-nya terlibat dalam keganasan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, sepatutnya tidak ada diskriminasi dalam memastikan pasukan penyiasat PBB memasuki sesebuah negara untuk menyiasat sesuatu kekejaman melibatkan hak asasi manusia.

“Israel menolak kedatangan pasukan penyiasat PBB di Jenin, tetapi dalam kes Iraq, mereka boleh berbuat apa sahaja,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, beliau lebih percaya bahawa untuk menumpaskan keganasan, semua pihak perlu mencari dari mana puncanya.

Menurutnya, menangani pengganas tidak semudah seperti memerangi sesebuah negara.

“Anda boleh tewaskan sebuah negara dan perang ber-

akhir apabila kerajaannya tumbang, tetapi untuk memerangi keganasan, kita tidak tahu mana dan siapa mereka. Hari ini mereka kelihatan baik, esok jadi pengganas,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau percaya rantau (Asia Tenggara) ini masih dibelunggu keganasan berikutan ada usaha pihak tertentu kononnya untuk membentuk negara “Islam yang dianggotai Indonesia, Filipina dan Malaysia.

Bagaimanapun, beliau mena-rik perhatian mengenai keraguan-nya terhadap negara Islam yang ingin ditubuhkan itu.

“Apa jenis negara Islam itu (yang nak ditubuhkan), saya tidak tahu, tetapi saya lihat ia tidak mendatangkan apa-apa, hanya membinasakan orang lain dan timbulkan keganasan. Ia tidak produktif,” tegasnya.

Ditanya pandangannya terhadap pembom berani mati Palestin, Dr. Mahathir berkata:

“Ketika saya mengkritik pembom yang mengganas, saya juga bangkitkan bahawa penduduk Palestin tidak mempunyai pilihan sebab tiada siapa yang menolong mereka.

“Kita perlu faham kenapa mereka bertindak ganas. Mereka terlalu kecewa dan tertindas,” katanya.